



KOPERASI KAKITANGAN TAMAN-TAMAN SABAH BERHAD

(The Sabah Parks' Staff Cooperative)

Pengenalan

**KOPERASI KAKITANGAN TAMAN-TAMAN SABAH BERHAD
(KOKTAS)**

Tarikh penubuhan	2 Disember 1986 (dibawah Akta Koperasi 1993)
Nombor pendaftaran	RCS441/86 (198669400160)
Ibu Pejabat	Taman Kinabalu, Ranau, Sabah



Lencana atau logo rasmi syarikat



***Taman-Taman Sabah
sebagai rakan strategik
utama KOKTAS***



Visi

Menjadi sebuah koperasi contoh di daerah Ranau dengan mengaplikasikan:

- Pengurusan & Pentadbiran yang sistematik, dan
- Akauntabiliti dalam semua jenis aktiviti perniagaan kelolaan koperasi.

Misi




Koperasi diurus tadbir menggunakan sistem pentadbiran terkini, membawa teknologi baru, dan meningkatkan kualiti anggota dan kakitangan koperasi.



Mencari peluang-peluang perniagaan baru, iaitu dengan mempelbagaikan sumber pendapatan agar tidak tertumpu pada kawasan Taman-Taman Sabah sahaja.



Perniagaan koperasi adalah tertumpu kepada industri pelancongan. Oleh itu, strategi mencapai sasaran kepuasan pelanggan menjadi keutamaan penuh dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti, kukuh, mantap dan berwibawa.




Mengenal pasti pesaing dalam dunia perniagaan dan mengatasi persaingan yang berlaku secara sihat.


Objektif



Meningkatkan taraf sosioekonomi anggota koperasi.



Menyediakan kemudahan kewangan seperti kredit.




Pemerolehan yuran ahli sebanyak RM30, dan syer penuh sebanyak RM500.



Mempelbagaikan aktiviti perniagaan bagi meningkatkan pendapatan koperasi.



Mewujudkan tabung kebajikan.




Membimbing anggota dan kakitangan koperasi berkaitan dengan ilmu keusahawanan.

Strategi



Meningkatkan pemerolehan pendapatan aktiviti sedia ada.



Mengkaji semula strategi bagi aktiviti perniagaan yang merosot.



Memantapkan sistem pengurusan koperasi.



Meningkatkan daya upaya kakitangan koperasi.




Meneroka peluang perniagaan di luar kawasan Taman-Taman Sabah.

Keanggotaan



Terdiri daripada 602 orang ahli berdaftar, dengan syer berbayar sebanyak **RM156,377.65.** (Setakat tahun 2024)




Keahlian koperasi adalah terdiri daripada kakitangan **Taman-Taman Sabah** dan kakitangan **KOKTAS** sendiri.



Yuran ahli berdaftar adalah sebanyak **RM30** setiap ahli, dan syer penuh adalah sebanyak **RM500** seunit.


Manfaat

Keahlian berdaftar dibawah KOKTAS



Carta Organisasi


Jemaah Lembaga Koperasi dan Ahli Jawatankuasa






Perniagaan Koperasi

Terdiri daripada pelbagai jenis perkhidmatan,
dan dijalankan di dalam dan luar berdekatan stesen
Taman-Taman Sabah.



Lokasi

Bertapak di tiga stesen Taman-Taman Sabah terletak di empat buah daerah: Ranau, Kota Kinabalu, Kota Marudu, dan Tawau.



Taman Tunku Abdul Rahman

- Pulau Manukan
- Pulau Mamutik
- Pulau Sapi
- Padang Point, Pulau Gaya

Kota Kinabalu

- Asia City (Ruang Singgah Mata)
- Taman Tunku Abdul Rahman



Taman Kinabalu

- Kompleks Taman Kinabalu, Ranau
- Mata Air Panas Poring, Ranau
- Substesen Serinsim, Kota Marudu



Taman Bukit Tawau

- Taman Bukit Tawau, Tawau



Kota Kinabalu

COOP MART

Ruang Singgah Mata,
Asia City

- Menjual produk runcit.
- Menjadi pembekal asas kepada Taman-Taman Sabah.



Purata Pendapatan Premis

RM 66,803

Setiap Bulan



Menempatkan
5 orang kakitangan



Taman Tunku Abdul Rahman PULAU MANUKAN


- Menyediakan perkhidmatan sewa peralatan sukan laut dan loker penyimpanan berkunci.
- Menyajikan makanan bermasak di kafe serta katering.
- Menjual snek segera dan cenderamata kenangan.
- Pelaksanaan 'joint venture' bersama agensi pelancongan *Beach Bums Borneo* bagi tempahan aktiviti BBQ.




Purata Pendapatan Premis

RM 96,713

Setiap Bulan



Menempatkan
10 orang kakitangan



Taman Tunku Abdul Rahman **PULAU MAMUTIK**


- Menyediakan perkhidmatan sewa peralatan sukan laut dan loker penyimpanan berkunci.
- Menyajikan makanan bermasak di kafe serta katering.
- Menjual snek segera dan cenderamata kenangan.
- Pelaksanaan 'joint venture' bersama agensi pelancongan **Beach Runner Adventure (Long Beach)** bagi tempahan aktiviti BBQ.

Long Beach

Purata Pendapatan Premis

RM 82,017

Setiap Bulan



Menempatkan
9 orang kakitangan



Taman Tunku Abdul Rahman **PULAU SAPI**

- Menyediakan perkhidmatan sewa peralatan sukan laut dan loker penyimpanan berkunci.
- Menyajikan makanan bermasak di kafe serta perkhidmatan katering.
- Menjual snek segera dan cenderamata kenangan.
- Joint venture dengan Water World Holiday bagi pelaksanaan aktiviti "seawalking"




Purata Pendapatan Premis

RM 68,823

Setiap Bulan



Menempatkan
9 orang kakitangan



Taman Tunku Abdul Rahman **PADANG POINT** Pulau Gaya

- Menyediakan makanan bermasak di restoran.
- Menyediakan perkhidmatan katering.
- Joint Venture bersama Borneo Seawalking bagi aktiviti barbeku (BBQ).

Purata Pendapatan Premis

RM 46,252.94

Setiap Bulan



Menempatkan
8 orang kakitangan



Kompleks Taman Kinabalu

RESTORAN PANATARAN

- Menyediakan jualan bermasakan dan perkhidmatan katering melalui tempahan awal.




Purata Pendapatan Premis

RM 83,232

Setiap Bulan



Menempatkan
23 orang kakitangan



Kompleks Taman Kinabalu GIFT & BOOK SHOP AND CAFE

- Menyediakan hidangan sarapan dan makanan ringkas.
- Menjual produk cenderamata dan makanan ringan seperti snek dan minuman tin.

Purata Pendapatan Premis

RM 15,464

Setiap Bulan



Menempatkan
5 orang kakitangan



Kompleks Taman Kinabalu PENGANGKUTAN

- Menyediakan pengangkutan darat dari Taman Kinabalu ke Pondok Timpohon (bagi pendaki Gunung Kinabalu).
- Juga menyediakan pengangkutan ke sekitar kawasan Taman-Taman Sabah (bagi pelawat harian), dan ke seluruh Sabah (melalui tempahan).
- Menjual cenderamata pingat dan bekalan oksigen.



Purata Pendapatan Premis

RM 87,498

Setiap Bulan



Menempatkan
16 orang kakitangan



Kompleks Taman Kinabalu

TIMPOHON SHOP & CORNER

- Menyediakan hidangan sarapan dan makanan ringkas, khususnya untuk staf dan pendaki Gunung Kinabalu.

Purata Pendapatan Premis

RM 13,204

Setiap Bulan



Menempatkan
4 orang kakitangan



Mata Air Panas Poring SOUVENIRS & CAFE

- Menyediakan hidangan sarapan dan makanan ringkas.
- Menjual produk cenderamata dan makanan ringan seperti snek dan minuman tin.

Purata Pendapatan Premis

RM 25,683

Setiap Bulan



Menempatkan
4 orang kakitangan



Mata Air Panas Poring

RESTORAN & PENGINAPAN KALIBAMBANG

- Menyediakan jualan bermasak dan perkhidmatan katering.
- Menyediakan tempat penginapan bilik.

Purata Pendapatan Premis

RM 15,465

Setiap Bulan



Menempatkan
9 orang kakitangan



Substesen Serinsim

RESTORAN NAMBUYUKON

Kota Marudu

- Menyediakan jualan bermasak dan perkhidmatan katering.

Purata Pendapatan Premis

RM 6,787

Setiap Bulan



Menempatkan
5 orang kakitangan



Taman Bukit Tawau

PENGINAPAN

- Menyediakan tempat penginapan chalet dan hostel.
- Menjadi pembekal asas Taman-Taman Sabah di kawasan Tawau, Sandakan dan Semporna.
- Menyediakan sewa bangunan bagi perkhidmatan kafe (peniaga swasta).

Purata Pendapatan Premis

RM 21,239

Setiap Bulan




Menempatkan
5 orang kakitangan



Pencapaian

Pemerolehan Pendapatan Koperasi



Sumber: Pentadbiran KOKTAS, 2026





Geran Bantuan

Yang telah diterima oleh koperasi

Geran Bantuan PULIH

- Diterima pada tahun 2022.
- Melalui Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Malaysia (KUSKOP) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).



Bantuan diterima adalah sebanyak

RM 10,000



Geran Bantuan

Yang telah diterima oleh koperasi

Geran Bantuan Mesin POS

- Diterima pada tahun 2024 bagi menyediakan teknologi mesin POS digital di premis-premis koperasi.
- Premis yang memiliki mesin POS:
 1. Pulau Manukan
 2. Pulau Sapi
 3. Restoran Padang Point, Pulau Gaya
 4. COOP Mart, Asia City, Kota Kinabalu
 5. Restoran Tahubang, Kundasang – Mesin dipindahkan ke Restoran Nambuyukon
 6. Kaunter Operasi Kenderaan Taman Kinabalu
 7. Restoran Kalibambang, Poring
 8. Restoran Panataran
 9. Pulau Mamutik (Belum dapat dipasang atas sebab masalah elektrik)
 10. Kedai Cenderamata Poring



Bantuan diterima adalah sebanyak

RM 100,000





Terima Kasih!

KOPERASI KAKITANGAN
TAMAN-TAMAN SABAH BERHAD (KOKTAS)
www.koktastravel.com



Dikuasakan oleh rakan
strategik

